

**ARAHAN KEPADA KOMPONEN BN BERHUBUNG
ISU BAHASA, PELAJARAN DAN DEB**

Renungan

SEGALA puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. — Maksud Al-Quran/ Al-fatimah.

Jangan buat

UM 18 AUG 1987

kenyataan



DATUK SRI
Q.R. MAHATHIR MOHAMAD

terbuka — PM

ALUR SETAR 17 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan para pemimpin semua parti komponen Barisan Nasional supaya tidak membuat kenyataan secara terbuka mengenai soal bahasa, pelajaran dan Dasar Ekonomi Baru yang boleh menimbulkan kekeliruan dan sukar untuk diselesaikan.

Menurutnya, ramai daripada pemimpin - pemimpin membuat kenyataan - kenyataan mengenai perkara - perkara yang sepatutnya mudah diselesaikan, tapi oleh kerana kenyataan dibuat ia susah untuk diselesaikan.

"Kalau kita tak dapat selesaikan masalah sesama kita, sudah tentu parti kita tidak mungkin bersatupadu dan berkesan," tegas Pengerusi Barisan Nasional itu. Berucap dalam perjumpaan dengan anggota - anggota parti komponen Barisan Nasional Negeri Kedah di Bangunan Tunku di sini petang ini, Perdana Menteri dukacita adanya parti - parti komponen membangkitkan masalah bukan melalui saluran yang ditentukan tetapi melalui kenyataan - kenyataan yang dibuat kepada orang ramai.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO kemudiannya mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin - pemimpin UMNO negeri yang diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Sri Haji Osman Aroff.

Perdana Menteri menyebutkan soal bahasa, soal pelajaran, soal DEB dan lain - lain lagi yang dibuat kenyataan secara terbuka oleh semua pihak dan bukan oleh satu - satu pihak sahaja.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Barisan Nasional yang sekarang menggabungkan 13 buah parti dari 3 parti semasa Perikatan dulu, telah dapat bekerjasama antara parti - parti komponen tersebut sejak 17 tahun lalu. Bagaimanapun, beliau menegaskan perlu ada tolak - ansur antara satu dengan lain dan pengorbanan antara parti - parti komponen bagi mengekalkan kerjasama tersebut.

Pengerusi Barisan Nasional itu bagaimanapun mahu semua parti komponen mencapai persetujuan atas prinsip - prinsip yang besar dan menyelesaikan masalah yang dasar tanpa memberi tumpuan pada penyokong - penyokong parti masing - masing sahaja.

Menurutnya, sejak Barisan Nasional ditubuhkan 17 tahun lepas bermacam - macam masalah parti telah wujud tetapi dapat diselesaikan dengan memenangi setiap pilihanraya.

"Tiap - tiap kaum mesti ingat kita tidak boleh dapat semua yang diminta dan kalau kita sedar kita tidak mesti dapat semua yang kita minta maka kita akan selamat," tegasnya. Perdana Menteri menyebut, di setengah - setengah negara ada rakyatnya tidak dibenar menggunakan bahasa dan tulisan sendiri, tetapi Malaysia lebih liberal di mana pertukaran nama, bahasa dan tulisan tidak berlaku.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menggesa parti - parti komponen dalam Barisan Nasional supaya mengurangkan sengketa sesama sendiri dan menyelesaikan jika ada masalah melalui saluran yang ditentukan.